



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR****PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : PENGAJIAN MALAYSIA 2****KOD KURSUS : MPU2123****PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021****MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---


*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **14** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan di dalam kertas jawapan.

1.



**Rajah 1**

Rajah 1 merupakan nama-nama lain bagi tahap zaman prasejarah. Antara yang berikut zaman manakah yang mewakili 'X'?

- A Zaman Logam.
- B Zaman Neolitik.
- C Zaman Mesolitik.
- D Zaman Paleolitik.

2.

Parameswara adalah pengasas Kesultanan Melayu Melaka dan telah memeluk Islam setelah mengahwini puteri Raja Pasai. Apakah nama beliau setelah memeluk Islam?

**Pernyataan 1**

Pernyataan 2 membuktikan bahawa Kerajaan Melayu Melaka merupakan sebuah kerajaan yang hebat di bawah kepimpinan Parameswara. Apakah nama lain bagi Parameswara?

- A** Raja Iskandar Shah.
  - B** Sultan Muzaffar Shah.
  - C** Sultan Mahmud Shah.
  - D** Sultan Muhammad Shah.
3. Siapakah yang bertindak sebagai penjaga perbendaharaan semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?
- A** Bendahara.
  - B** Laksamana.
  - C** Temenggung.
  - D** Penghulu Bendahari.
4. Apakah kuasa luar yang mula-mula menjajah Tanah Melayu?
- A** Jepun.
  - B** Portugis.
  - C** Belanda.
  - D** Inggeris.
5. Semasa pendudukan Jepun satu slogan telah diperkenalkan untuk membangkitkan semangat penduduk Tanah Melayu menentang penjajahan Barat. Slogan tersebut ialah
- A** Bangkit Asia.
  - B** Asia untuk Orang Asia.
  - C** Malaya untuk Orang Asia.
  - D** Malaya untuk Orang Malaya.

Jepun, British, Belanda, Portugis

### Pernyataan 2

6. Pernyataan 3 menunjukkan kuasa-kuasa asing yang telah menjajah Tanah Melayu dalam tempoh yang panjang. Berapa lamakah Tanah Melayu dijajah oleh kuasa-kuasa asing sebelum mencapai kemerdekaan?
- A 46 tahun.
  - B 64 tahun.
  - C 446 tahun.
  - D 644 tahun.
7. Apakah cara yang digunakan oleh orang Melayu untuk menentang Malayan Union?
- A Penulisan akhbar.
  - B Revolusi bersenjata.
  - C Gerakan bawah tanah.
  - D Serangan secara gerila.
8. Prinsip *Jus Soli* ialah pemberian kerakyatan kepada orang bukan Melayu yang ditolak oleh orang Melayu semasa Malayan Union hendak diperkenalkan. Mengapakah orang Melayu menolak prinsip tersebut?
- A Menyukarkan perpaduan antara kaum.
  - B Mewujudkan ketidakseimbangan ekonomi.
  - C Menjaga kepentingan British di Tanah Melayu.
  - D Mengancam status quo orang Melayu sebagai peribumi.
9. Sebuah perlembagaan baharu perlu digubal sebagai usaha untuk merealisasikan penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Badan yang dipertanggungjawabkan untuk menggubal perlembagaan tersebut ialah
- A Suruhanjaya Reid.
  - B Suruhanjaya Cobbold.
  - C Jawatankuasa Antara Kerajaan.
  - D Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia.

10. Pembentukan Malaysia memperlihatkan Sabah, Sarawak dan Singapura menyertai Tanah Melayu secara rasminya. Bilakah tarikh sebenar pembentukan Malaysia?
- A 31 Ogos 1957.
  - B 31 Ogos 1963.
  - C 16 September 1957.
  - D 16 September 1963.
11. Ekoran rusuhan kaum 13 Mei 1969, darurat telah diisytiharkan bagi menjamin keselamatan semua pihak. Siapakah yang mengisytiharkan darurat ketika itu?
- A Perdana Menteri.
  - B Timbalan Perdana Menteri.
  - C DYMM Yang di-Pertuan Agong.
  - D Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.
12. Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970. Pihak manakah yang bertanggungjawab merangka Rukun Negara?
- A Suruhanjaya Reid.
  - B Majlis Gerakan Negara.
  - C Majlis Perundingan Negara.
  - D Kementerian Perpaduan Negara dan Masyarakat.
13. Sultan merupakan ketua agama Islam bagi negeri-negeri yang berikut **kecuali**
- A Perlis.
  - B Melaka.
  - C Selangor.
  - D Kelantan.
14. Pengasingan kaum dari segi tempat tinggal, pekerjaan dan pendidikan berlaku pada zaman pentadbiran kerajaan British kerana British melaksanakan dasar pentadbiran yang dikenali sebagai
- A Dasar Susun dan Perintah.
  - B Dasar Pecah dan Perintah.
  - C Dasar Gabung dan Perintah.
  - D Dasar Kelompok dan Perintah.

Kadazan	Murut	Bajau
---------	-------	-------

**Pernyataan 3**

15. Pernyataan 3 merujuk kepada etnik di sebuah negeri. Namakan negeri tersebut.
- A Johor.
  - B Sabah.
  - C Sarawak.
  - D Kelantan.
16. Kedatangan orang India ke Tanah Melayu pada peringkat awal dikaitkan dengan
- A industri bijih timah.
  - B perniagaan sara diri.
  - C ladang-ladang getah.
  - D penanaman gambir dan lada hitam.
17. Bukti kukuh yang menunjukkan Malaysia sebuah negara Islam ialah
- A Islam telah dianuti sejak beribu tahun yang lalu.
  - B kebanyakan masyarakat di negara ini beragama Islam.
  - C ketua agama Islam di Malaysia ialah Yang di-Pertuan Agong.
  - D Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Islam agama rasmi persekutuan.
18. Konsep “karma” merupakan kepercayaan dalam agama
- A Islam.
  - B Hindu.
  - C Kristian.
  - D Buddha.

19. Setiap tahun umat Islam akan menyambut hari Raya Aidilfitri sempena meraikan kemenangan setelah sebulan berpuasa. Mengikut kalendar Islam, pada bulan apakah perayaan ini disambut?
- A** Safar.
  - B** Syawal.
  - C** Zulhijjah.
  - D** Zulkaedah.
20. Agama Buddha merupakan agama kedua terbesar di Malaysia. Majoriti penganutnya adalah terdiri daripada etnik Cina. Apakah Mazhab agama Buddha yang dipegang oleh mereka di Malaysia?
- A** Veda.
  - B** Theravada.
  - C** Mahayana.
  - D** Ramayana.

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

**Rajah 2**

Rajah 2 menunjukkan gambar-gambar yang ada kaitan dengan agama-agama utama di Malaysia.

- a. Apakah nama binaan bagi keempat-empat gambar yang berkaitan dengan agama-agama utama di Malaysia?

(1 Markah)

- b. Pada pendapat anda, apakah **tiga (3)** peranan binaan ini kepada agama-agama tersebut.

(3 Markah)

- c. Jelaskan **tiga (3)** kepentingan menghormati agama-agama lain di Malaysia.

(6 Markah)



## SOALAN 2

**Rajah 3**

Rajah 3 menunjukkan sistem pemerintahan semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.

a. Namakan sistem pembesar berlabel Z.

(2 Markah)


b. Terangkan peranan **dua (2)** daripada pembesar-pembesar yang terdapat di Z.

(4 Markah)

c. Pada pandangan anda, mengapa Melaka menjadi pusat pemerintahan yang terkenal dan menjadi tumpuan para pedagang?

(4 Markah)

## SOALAN 3



Rajah 4

Rajah 4 ialah Bendera Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai Jalur Gemilang yang merupakan lambang kerajaan Malaysia.

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan Jalur Gemilang?  
(2 Markah)
  
- b. Jelaskan maksud bagi lambang bulan, bintang dan bintang pecah empat belas dan lambang pada Bendera Kebangsaan.  
(4 Markah)
  
- c. Sebagai warganegara Malaysia, jelaskan **dua (2)** sebab anda perlu menghormati Bendera Kebangsaan.  
(4 Markah)

## SOALAN 4



Rajah 5

Rajah 5 menunjukkan prinsip Rukun Negara yang menjadi pegangan setiap rakyat Malaysia.

- a. Berikan **dua (2)** kepentingan Rukun Negara kepada warganegara Malaysia.

(4 Markah)

- b. Sebagai warganegara Malaysia, jelaskan **tiga (3)** usaha yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia.

(6 Markah)

## SOALAN 5



Rajah 6

Rajah 6 menunjukkan Pembesar Tanah Melayu bersama Pesuruhjaya Tinggi British selepas termeterainya persefahaman dalam kemerdekaan Tanah Melayu. Sebelum mencapai persefahaman ini, Tanah Melayu telah dinaungi oleh British dan banyak sistem pentadbiran yang diperkenalkan.

a. Apa yang anda faham tentang Dasar Pecah dan Perintah?

(3 Markah)

b. Senaraikan **tiga (3)** orang pegawai British yang pernah dilantik sebagai residen British di Tanah Melayu.

(3 Markah)

c. Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu bersatu dalam memerangi penjajahan?

(4 Markah)

## SOALAN 6



Rajah 7

Rajah 7 menunjukkan satu tradisi yang dilakukan ketika menyambut salah satu perayaan di Malaysia.

a. Apakah nama perayaan yang disambut pada Rajah 7?

(2 Markah)

b. Terangkan **dua (2)** aktiviti perayaan pada Rajah 7.

(4 Markah)

c. Pada pendapat anda, apakah kepentingan menjaga tradisi dan budaya sesuatu bangsa?

(4 Markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian in mengandungi **dua (2)** soalan.

Jawab **satu (1)** soalan sahaja. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

1. Integrasi nasional dalam kalangan masyarakat berbilang kaum adalah penting untuk memupuk toleransi dan mengelakkan sebarang isu perkauman berpunca sikap prejudis antara kaum yang boleh menggugat keutuhan negara Malaysia. Huraikan **lima (5)** cara mengukuhkan toleransi antara kaum di negara ini.

(20 Markah)

2. Malaysia ialah sebuah negara berbilang kaum yang hidup dalam keadaan aman dan damai. Justeru, pelbagai kepercayaan dan kebudayaan dapat diamalkan oleh setiap rakyat. Huraikan **lima (5)** bentuk kebudayaan dan adat resam yang diamalkan oleh salah satu kaum utama di Malaysia.

(20 Markah)

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**